

ULASAN

Drama 'Selubung' NUS cetus gejolak emosi



KAWAN ATAU LAWAN: Pementasan 'Selubung' mengisahkan empat watak yang merupakan kawan rapat tetapi persahabatan semakin renggang apabila rahsia masing-masing terbongkar. 'Pentas Budaya' ke-11 ini mengupas persoalan yang dianggap tabu dalam masyarakat Melayu. (Dari kiri) Cik Nur Miza Syazwina Mustafa, Cik Nur Liyana Faisal Wahyuni, Encik Muhammad Afiq Atan dan Encik Muhammad Asyraf Samad melakonkan babak dalam 'Selubung'. – Foto PENTAS BUDAYA NUS

► **MUHAMMAD EDRIE RIZWAN**
edrieam@sph.com.sg

RAHSIA, agama dan persahabatan.

Itulah antara persoalan utama yang dikupas dalam pementasan tahunan *Pentas Budaya* Persatuan Bahasa Melayu Universiti Nasional Singapura (PB-MUKS).

Persembahan kali ini berjudul *Selubung* dan berlangsung hujung minggu lepas di Teater Gateway, Jalan Bukit Merah.

Selubung berjaya menimbulkan isu jarang diperbual dalam masyarakat Melayu setempat yang konservatif.

Pentas Budaya menonjolkan sifat hipokrit yang wujud dalam masyarakat Melayu.

Hal itu dirasakan melalui reaksi penonton yang mengeluh, gelisah dan marah apabila babak kurang selesa dipaparkan, seolah-olah perasaan terpendam mereka diluahkan melalui *Selubung*.

Watak utama, Najwa, yang dihidupkan oleh Nur Miza Syazwina Mustafa, 22 tahun, merupakan wanita yang dilihat warak secara lahiriah. Namun, dia sebenarnya gemar pergi ke kelab pada waktu malam. Najwa juga melibatkan diri dalam kegiatan seks rambang.

Apabila kehidupan liarnya terbongkar, Najwa dipinggirkan.

Watak Badrul, yang dimainkan Muhammad Asyraf Samad, 24 tahun, merupakan watak yang berpegang teguh pada agama.

Namun, dia juga menjadi antara orang pertama yang membelakangkan Najwa apabila mendapat tahu bahawa kawannya itu hamil luar nikah.

Alangkah terperanjatnya apabila Nabilah, rakan baik Najwa, yang dihidupkan oleh Nur Liyana Faisal Wahyuni, mendapat tahu bahawa kekasihnya ialah bapa kepada anak dalam kandungan Najwa.

Watak Syamsul, lakonan Muhammad Afiq Atan, ialah dalang merancang masalah kawannya.

Namun, dia berdiam diri kerana tidak ingin persahabatan yang terjalin sia-sia.

Tanpa disedari, masalah peribadi yang mereka hadapi rupa-rupanya berkait rapat.

Menerusi watak dan jalan cerita *Selubung*, *Pentas Budaya* NUS mengupas isu sensitif yang jarang dibincangkan secara terbuka.

Lakonan baik pelajar NUS, Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Maktab Seni Lasalle amat berkesan.

Mereka berjaya menyampaikan mesej justeru membuat penonton berfikir sejenak tentang masalah yang membelenggu belia.

Terdapat beberapa pelakon menyerlah.

Antaranya ialah Afiq dan Muhammad Danial Yazid, 24 tahun, yang membuat penonton tak kering gusi. Mereka menghidupkan watak sebagai 'mak cik bawang'.